

Headline	Sedia hadapi risiko		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	20 Apr 2014	Language	Malay
Circulation	297,950	Readership	2,476,000
Section	Bintang Popular	Color	Full Color
Page No	14	ArticleSize	819 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 27,728	PR Value	RM 83,184



# Sedia hadapi risiko

» Pelakon baharu, Ikram Rashid mahu jadi **anak seni sepenuh masa** kerana hargai bakat kurniaan Tuhan



Oleh Raja Nurfatimah Mawar Mohamed  
rajamawar@bh.com.my

**B**iarpun baru saja menamatkan pengajian dan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa dari Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah, tetapi anak muda ini nyata lebih berminat dalam lakonan dan nekad untuk menjadi pelakon sepenuh masa.

Bagi Ikram Rashid, 23, beliau mencintai bidang lakonan kerana mahu memanfaatkan bakat seni yang dianugerahkan Tuhan. Bukan beliau mengejar kemewahan, jauh sekali mendambakan populariti dan hidup dalam sanjungan, sebaliknya anak kelahiran Yan, Kedah itu mula jatuh cinta dengan bidang lakonan selepas diperkenalkan menerusi drama *Tarbiah Cinta* terbitan Bright Network Sdn Bhd, milik produser, Raja Alawiyah Idris.

Sungguhpun sedar bakal berdepan risiko turun naik sebagai anak seni, Ikram tetap mahu mencuba.

Baginya, kalau untung sabut, dia timbul dan untung batu, dia sedia tenggelam.

#### Tidak seindah digambarkan

"Saya tahu dan sedar perjalanan sebagai anak seni bukanlah seindah yang digambarkan. Hidup pula tidak ubah seperti pusingan roda, ada ketika berada di atas, ada masanya pula di bawah. Mungkin cabaran paling sukar adalah untuk bertahan

memandangkan kehadiran pelakon baharu bak cendawan tumbuh selepas hujan.

"Sudah ramai yang menasihatkan saya risiko bergelar seorang pelakon, itu belum lagi kontroversi yang mencemar diri. Tetapi, jika saya takut mencuba, saya tidak akan merasai pahit manisnya.

"Bohonglah jika saya katakan tidak gentar, tetapi saya percaya jika ikhlas dan bekerja bersungguh-sungguh, lambat laun saya akan diterima. Bukan populariti yang saya kejar, tetapi pengalaman berharga sebagai anak seni itulah yang dicari.

"Saya akui, selepas kali pertama berlakon dalam drama bersiri, *Tarbiah Cinta* bersama Datuk Eizlan Yusof, Arja Lee dan Memey Suhaiza, hati saya mula sukakan dunia lakonan. Walaupun saya tahu bukan mudah, tetapi cabarannya itulah membuatkan saya seronok," kata anak bongsu daripada dua beradik ini.

#### Lakukan kerja lain

"Saya tahu sukar nak hidup jika hanya bergantung pada lakonan, apatah lagi pelakon baharu yang tidak punya nama seperti saya.

"Ketika tiada tawaran, saya melakukan kerja lain seperti mengendalikan acara atau menjadi pengacara majlis. Inilah ilmu yang saya praktikkan ketika belajar di UUM. Alhamdulillah, sejak habis pengajian, banyak juga acara atau majlis

yang saya kendalikan."

Ikram atau nama sebenarnya, Ahmad Ikram Abd Rashid berkata, dirinya sudah berjinak-jinak dalam dunia peragaan, pengacaraan dan berlakon teater sejak menuntut di UUM lagi.

"Saya bertuah mempunyai sepupu, Roshidi Zabidi yang mengenali orang dalam industri, sama ada produser mahupun media. Jadi, agak mudah buat saya memperkenalkan diri kepada mereka.

#### Tidak terlintas jadi pelakon

"Sebenarnya, saya tidak pernah terlintas mahu bergelar pelakon. Saya hanya mengejar cita-cita untuk memasuki universiti. Bagaimanapun ketika belajar di UUM, saya diberi ruang menjadi model papan, iklan dan macam-macam lagi.

"Saya banyak membantu rakan di universiti yang mencari model untuk kerja mereka. Jika ada apa-apa acara atau majlis, saya juga diminta menjadi pengacara. Di situ mula timbul minat saya untuk menyelami dunia seni. Apabila ditawarkan berlakon dalam drama *Tarbiah Cinta*, terdetik dalam hati, inilah bidang yang ingin saya terokai sehingga berjaya," katanya.

#### Pengalaman berharga

Menerusi drama *Tarbiah Cinta*, Ikram diberikan watak sebagai Remy iaitu perogol. Biarpun hanya 20 babak, tetapi pengalaman berharga itulah yang ingin dicari.

"Kali pertama saya memang terkedu. Macam-macam perasaan menghantui diri saya, gementar, gelabah dan panik semuanya ada. Tapi, mujurlah pengarah, pelakon dan kru produksi banyak membantu.

"Saya sering ditegur kerana mata sering terpancang kamera. Sebelum ini, saya kerap menjadi model iklan dan papan gergasi, jadi ketika sesi fotografi memang mata sering memandang kamera.

"Rupanya, berlakon lain pula. Mungkin lakonan saya masih kaku, tetapi tidak akan berhenti belajar. Pelakon senior sering menasihatkan saya dan memberi garis panduan yang betul. Sikap saya, jika bertemu pelakon senior, saya tidak segan silu bertanyanya," katanya.

**"SUDAH RAMAI YANG MENASIHATKAN SAYA RISIKO BERGELAR SEORANG PELAKON, ITU BELUM LAGI KONTROVERSI YANG MENCEMAR DIRI. TETAPI, JIKA SAYA TAKUT MENCUBA, SAYA TIDAK AKAN MERASAI PAHIT MANISNYA"**

Ikram Rashid

